

CNS1477

U GB 12-08 00145 BA010

aab

Mahathir - Kesihatan

PM GESA 'TINGKATKAN PROGRAM PENJAJAAN KESIHATAN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa hospital-hospital awam dan swasta melaksanakan program pencegahan penyakit dengan meluas untuk meningkatkan kesihatan masyarakat.

Katanya, sebahagian keuntungan yang diperolehi oleh hospital-hospital swasta, kumpulan pengamal-pengamal kesihatan dan klinik hendaklah diperuntukkan untuk program-program berkenaan.

Ketika berucap merasmikan Minggu Jantung Ke-3 anjuran Yayasan Jantung Malaysia di sini, beliau berkata para dermawan dan badan-badan boleh memberikan sumbangan untuk program kesihatan dan kajian penyelidikan kesihatan yang memanfaatkan orang ramai.

"Sesungguhnya adalah wajar kita meningkatkan usaha untuk menjadikan rakyat Malaysia rakyat yang sihat daripada segi jasmaninya, mentalnya dan jantungnya. Tanggungjawab ini terletak kepada kita semua," katanya.

Dr Mahathir menghuraikan faedah yang boleh diperolehi oleh pekerja, majikan dan negara daripada program penjagaan kesihatan. -- Lagi.

▼12/08/18-15MST

U GB 12-08 00159 BA011

aab

Mahathir - Kesihatan 2 Kuala Lumpur

Katanya, sebuah tempat kerja yang sihat hendaklah memberikan faedah kepada semua dan bukannya untuk sekumpulan kakitangan yang sentiasa menjaga kesihatan mereka sahaja.

Ita perlu melibatkan bersama jabatan-jabatan yang secara tradisi menjalankan fungsi berasingan seperti keselamatan dan kesihatan tempat kerja, pembangunan sumber manusia, komunikasi, faedah pekerja dan perhubungan awam.

Konsep itu membolehkan tenaga kerja diuruskan dengan membentuk budaya korporat berdasarkan hakikat bahawa penjagaan kesihatan seseorang pekerja memberikan faedah dalam menyaingi pasaran dunia yang rumit dan sentiasa berubah.

Dr Mahathir berkata perbelanjaan kerajaan dan tanggungan rakyat boleh dikurangkan dengan tindakan pencegahan, umpamanya dalam menghadapi masalah penyakit kardiovaskular.

"Bagi mengurangkan insiden penyakit kardiovaskular, yang penting ialah cara hidup yang sihat," katanya.

Katanya, cara hidup sihat bukan sahaja mengurangkan kos perubatan tetapi juga mengurangkan kos sara hidup, umpamanya dengan tidak merokok dan mengelakkan makanan yang mempunyai banyak kolesterol, garam atau gula. -- Lagi.

▼12/08/18-18MST

Mahathir - Kesihatan 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan kini terpaksa mengkaji kos untuk membiayai kesihatan rakyat yang selama ini ditanggung oleh kerajaan.

"Sistem pembiayaan percuma rawatan pesakit di Malaysia dimulakan pada zaman penjajah sebagai satu cara mempopularkan rawatan secara Barat," katanya. Pada waktu itu rawatan terhadap kepada pemberian ubat yang amat murah harganya.

Beliau berkata memandangkan ketika itu pembedahan jarang kali diperlukan dan tidak melibatkan kos yang tinggi, khidmat perubatan kerajaan secara percuma tidak menjadi beban dan tidak menyebabkan wang kerajaan dialih daripada perbelanjaan pembangunan lain untuk rakyat.

"Hari ini keadaan amat berbeza. Rawatan pesakit memerlukan belanja yang tinggi dan kerajaan tidak lagi mampu membiayainya dengan percuma tanpa menjejaskan perbelanjaan untuk infrastruktur yang lain," katanya.

Oleh itu, kerajaan terpaksa mengenakan bayaran yang 'nominal' manakala untuk kes-kes yang memerlukan perbelanjaan tinggi, bayaran yang berpatutan dikenakan, katanya. -- lagi.

▼12/08/18-21MS*

Mahathir - Kesihatan 4 (akhir) Kuala Lumpur

Disebabkan tidak lagi dapat memberikan rawatan percuma, kata Dr Mahathir, kerajaan sedang mencuba sistem separuh swasta bagi rawatan sakit jantung.

"Dengan cara ini kakitangan kerajaan yang berhak masih boleh mendapat rawatan pakar dan orang awam pula mendapat rawatan yang tidak begitu tinggi bayarannya kerana kerajaan membantu dengan menyediakan kemudahan fizikal," katanya.

Beliau berkata bayaran rawatan perubatan dan pembedahan di Malaysia masih rendah dan sebab itu ramai warganegara asing datang untuk mendapat rawatan di negara ini.

Dr Mahathir berkata Institut Jantung Negara, yang dibuka tahun lepas, menyediakan kemudahan untuk semua golongan rakyat termasuk mereka yang kurang berada.

"Malahan warganegara luar di rantau Asean juga telah menggunakan kemudahan-kemudahan di sini," katanya.

Beliau berkata, beliau bangga kerana Yayasan Jantung Malaysia telah bergerak cergas menjalankan kegiatan seperti Minggu Jantung, Pameran Jantung Sihat dan forum perubatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pencegahan penyakit jantung.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Yayasan itu kerana telah mewujudkan tabung bagi projek kajian penyakit itu dan merancang memberi perkhidmatan perubatan bantuan serta mewujudkan sebuah Rumah Lindungan sebagai projek barunya. -- Bernama.